



RASMI...Saifuddin (kanan) merasmikan karnival bola keranjang, semalam. *Netro (set nyat) Kmn 11/10/10 ms 19*

UMP bakal pusat sukan tumpuan bola keranjang

KUANTAN: Bahagian Sukan Kementerian Pengajian Tinggi akan menjadikan Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai pusat sukan tumpuan bola keranjang di negara ini.

Timbalan menterinya, Datuk Saifuddin Abdullah, berkata pelantikan berkenaan antara usaha kementerian melahirkan 30 peratus atlet negara bertaraf antarabangsa di kalangan pelajar institut pengajian tinggi (IPT).

Beliau berkata, selain melahirkan pemain berkualiti, program berkenaan juga berupaya menghasilkan jurulatih, pengurus pasukan, pegawai kejohanan dan pengadil.

"Pemilihan UMP sebagai pusat sukan tumpuan bola keranjang dilakukan selepas mengambil kira komitmen diberikan pihak pengurusan universiti berkenaan.

"Selain memiliki kemudahan gelanggang dan pegawai berpengalaman, UMP juga menyediakan sudut sukan bola keran-

jang di dewan perpustakaan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Karnival Bola Keranjang 3 On 3 IPT 2010 anjuran UMP dengan kerjasama kementerian di Stadium Tertutup Sukpa Indera Mahkota, di sini, semalam.

Turut hadir Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Sebanyak 113 pasukan IPT dan 20 sekolah menengah mengambil bahagian pada karnival yang kali pertama dianjurkan.

Saifuddin berkata, peruntukan sebanyak RM200,000 diberikan kepada UMP pada tahun pertama bagi menjayakan program pembangunan sukan bola keranjang.

Peruntukan tambahan akan diberikan kepada mereka bagi menjayakan kejohanan di peringkat IPT, politeknik, kolej komuniti dan sekolah menengah yang diadakan dari semasa ke semasa.